



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KKMM – UKM JALIN KERJASAMA PENYELIDIKAN ISU-ISU HAK CIPTA EKONOMI KREATIF DAN KEBAJIKAN PENGGIAT INDUSTRI KREATIF

PUTRAJAYA, 22 Oktober 2020 - Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini menandatangani Surat Hasrat bagi menjalinkan kerjasama dalam projek penyelidikan bertajuk 'Mengenalpasti Isu-Isu Hak Cipta Ekonomi Kreatif dan Kebajikan Penggiat Industri Kreatif'.

Surat Hasrat tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM dan Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas, Institut Kajian Etnik (KITA), bagi pihak UKM. Majlis menandatangani yang diadakan secara maya turut disaksikan oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Kajian ini akan meneliti isu dan masalah berkaitan industri kreatif di Malaysia, terutamanya yang berkaitan dengan dasar dan perundangan, termasuk isu hak cipta dan kebajikan penggiat seni.

Di majlis yang sama, YB Dato' Saifuddin turut mengumumkan penubuhan Panel Khidmat Nasihat Industri Kreatif yang akan diketuai oleh Institut Kajian Etnik UKM (KITA) dan dianggotai oleh wakil-wakil KKMM, Majlis Pembangunan Industri Kreatif Negara (MPIKN), pemain industri, peguam, serta penggiat seni yang berpengalaman.

Panel ini akan menyediakan khidmat nasihat kepada penggiat industri kreatif secara percuma dalam hal-hal berkaitan dengan hak cipta, perundangan, dan hak penggiat seni termasuk isu kebajikan, kontrak, royalti, dana, dan sebagainya melalui program-program latihan, seminar dan bengkel dan sebagainya. Panel ini akan mula beroperasi pada awal tahun 2021.

Hotline e-mel Panel iaitu NASIHATKREATIF@KKMM.GOV.MY diaktifkan hari ini bagi menerima cadangan berkaitan isu-isu industri kreatif. Sebarang pertanyaan atau cadangan boleh dikemukakan mulai hari ini.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**